

09 SEP 1998

PENJELASAN PM SUDAH CUKUP, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 9 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata penjelasan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai tindakan penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri sudah cukup jelas.

"Terpulanglah kepada rakyat sama ada hendak menerima atau sebaliknya penjelasan itu kerana jika diterangkan dengan lebih terperinci lagi sekalipun, mereka yang tidak mahu menerimanya tetap akan berpendapat penjelasan itu tidak lengkap," katanya.

Shahidan, yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, berharap anggota parti dapat menerima penjelasan Perdana Menteri itu tanpa menjadikannya isu yang boleh digunakan oleh pembangkang.

"Penjelasan yang dibuat oleh Perdana Menteri sudah cukup memberi gambaran keadaan sebenar apa yang berlaku kerana sudah semestinya Dr Mahathir membuat penelitian mendalam sebelum bertindak menyingkirkan timbalannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri, di sini hari ini.

Menteri Besar berkata, beliau akan mengatur siri penerangan kepada semua peringkat UMNO di negeri ini agar seluruh anggota parti memahami kedudukan sebenar perkara itu.

Beliau menasihati para pelajar supaya menerima penjelasan Perdana Menteri dan tidak membabitkan diri dengan kegiatan menyokong Anwar kerana perbuatan itu boleh menjejaskan pelajaran dan akhirnya akan mengecewakan ibu bapa mereka.

-- BERNAMA
RIS KHY